



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 20 JUN 2019

- 1. TINGKATKAN HASIL PERTANIAN**
 - **SINAR HARIAN**
- 2. KERAJAAN DICADANG BUBARKAN SAHAJA PERTUBUHAN PELADANG**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. BOSAN DENGAR ALASAN KERAJAAN TIDAK ADA DUIT**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

Tingkatkan hasil pertanian

Petani, agensi kerajaan perlu bekerjasama

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

IPOH

Golongan petani serta agensi kerajaan perlu sentiasa bekerjasama dalam usaha mencari kaedah dan pendekatan bagi meningkatkan hasil pertanian, khususnya di Perak.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, kerjasama berkenaan dilihat penting kerana ia selaras dengan hasrat kerajaan memperkasakan 'food security' negara pada masa hadapan.

Menurut Ahmad Faizal, kerjasama berkenaan seka-

li gus bakal membantu mengurangkan import barangan pertanian.

"Import barangan pertanian ini bernilai berbilion ringgit setahun. Oleh itu kerjasama dalam kalangan golongan petani dan kerajaan penting untuk meningkatkan hasil pengeluaran pertanian.

"Kerajaan negeri percaya, menerusi pendekatan yang betul, sektor pertanian juga bakal membantu mengeluarkan rakyat daripada garis kemiskinan," katanya di sini kelmarin.

Ahmad Faizal berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Exco Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim sempena Program Bertemu Pelanggan Pejabat Pertanian Daerah Kinta/Kampar di per-



Hasnul Zulkarnain (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Program Bertemu Pelanggan Pejabat Pertanian Daerah Kinta/Kampar di perkarangan Pejabat Pertanian Daerah Kinta kelmarin.

karangan Pejabat Pertanian Daerah Kinta.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pertanian Perak (pengembangan), Pegawai

Daerah Kampar, Khairul Anuar Ramli, Pegawai Daerah Kinta, Halizah Sipun dan Pegawai Pertanian Daerah Kinta/Kampar, S. S

Siree.

Sementara itu Ahmad Faizal berkata, kajian perlu dibuat bagi mencari pendekatan kreatif serta inova-

tif bagi memperkasakan industri buah-buahan tempatan seperti limau bali serta durian cukup digemari oleh pelancong khususnya dari China.

Katanya, semua pihak perlu melihat potensi besar bagi eksport durian dan produk-produk hiran durian ke pasaran negara berkenaan yang memiliki penduduk seramai 1.42 billion.

"Produk-produk hiran seperti durian crepe atau aiskrim durian perlu diberikan perhatian untuk dipromosikan kepada pelancong-pelancong berkenaan.

"Dengan saiz pasaran yang sebegitu besar di China, golongan petani serta usahawan tempatan berpeluang menjana hasil pendapatan yang berlipat kali ganda dan membantu meningkatkan taraf hidup petani," katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 20 JUN 2019

PERKARA : PERTANIAN

Kerajaan dicadang bubarkan sahaja pertubuhan peladang

ALOR SETAR 19 Jun - Kerajaan dicadangkan supaya membubarkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara jika berhasrat untuk terus membiarkan campur tangan orang-orang politik dalam pertubuhan itu.

Pengerusi PPN Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, pihaknya kesal kerana hingga kini suara akar umbi mewakili ketiga-tiga peringkat itu yang menolak pembabitan orang-

orang politik dalam pertubuhan tersebut tidak didengari.

Kata beliau, malah Pertubuhan Peladang terpaksa mengambil tindakan mahkamah untuk menghalang perbuatan itu dan kini menunggu proses perbicaraan.

"Harus diingat bahawa Pertubuhan Peladang adalah milik ahli-ahlinya yang membuat pelaburan seperti mana perjalanan sebuah kope-



ABDUL LATEH

rasi, dan bukannya sebuah agensi kerajaan (yang ahli-ahli jemaah pengarah dilantik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani).

"Maka sebab itu, pemilihan ahli-ahli jemaah pengarah di tiga peringkat iaitu Nafas, PPN dan PPK mesti ditentukan oleh perwakilan. Jika ada

lantikan oleh menteri sekali pun, mestilah tidak melebihi 50 peratus. Malangnya, sebagai

contoh pada masa kini, lima ahli jemaah pengarah PPN dilantik menteri berbanding hanya empat oleh perwakilan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam majlis Hari Raya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), PPN dan PPK Kedah di sini, hari ini.

Sebelum ini, kesemua 42 PPK yang menaungi 100,000 orang petani di negeri ini membantah sekeras-kerasnya pindaan komposisi ahli jemaah pengarah pertubuhan itu yang dianggap satu bentuk campur tangan politik.

Pindaan yang berkuat kuasa 1 Mei lalu itu, dakwa mefeka, telah mencabul hak ahli-ahli pertubuhan dan merampas kuasa ahli untuk melantik ahli jemaah pengarah di tiga peringkat untuk mewakili suara golongan berkenaan.

Abdul Lateh seterusnya mempersoalkan pengumuman pemberian elaun tetap kepada Pengerusi Nafas berjumlah RM10,000 dan RM5,000 setiap seorang Ahli-ahli jemaah Pengarahnya dalam mesyuarat agung pertubuhan itu baru-baru ini.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 20 JUN 2019

PERKARA : PERTANIAN

Bosan dengar alasan kerajaan tidak ada duit

ARAU 19 Jun - "Tidak ada peruntukan, kerajaan tidak ada duit". Itu alasan didakwa sering diberikan pihak bertanggungjawab setiap kali ada dalam kalangan pesawah meminta bantuan membina atau membaiki sesuatu demi kemudahan golongan berkenaan untuk menanam padi.

Keluhan tersebut antaranya disuarakan oleh seorang pesawah **Saifullah Abi Jamrah**, 34, yang memaklumkan bahawa dia sudah tiga kali berjumpa dengan agensi terbabit bagi meminta mereka menyenggara dan membaiki tali air di kawasan Banat, Guar Sanji di sini.

Namun, katanya, alasan sama "tidak ada peruntukan, kerajaan tidak ada duit" diberikan dalam setiap perjumpaan itu.

Katanya, menyenggara atau membina tali air baharu itu penting bagi memudahkan bekalan air disalurkan ke sawah di kawasan tersebut.

"Pada masa ini, kami menghadapi kesukaran air lambat sampai atau tidak ada langsung akibat masalah tali air itu. Tali



air itu sudah lama dan mengalami banyak masalah dan tidak disenggara sehingga memberi kesan kepada para pesawah.

"Sudah tiga kali saya minta pihak berkaitan baiki tali air berkenaan namun alasan diberikan ialah tidak ada peruntukan, kerajaan tidak ada duit.

"Saya pun hairan, tidak ada duit sangatkah sehingga hendak membaiki sesuatu yang memudahkan para pesawah tidak dapat dilaksanakan. Itu antara perkara asas perlu diberikan perhatian sebelum kerajaan melakukan sesuatu untuk menambah pendapatan petani," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambahnya, rakan-rakan lain juga ada menyuarakan masalah sama apabila permintaan mereka untuk membaiki longkang dan sebagainya di kawasan penanaman padi masih belum diluluskan.



SATU daripada tali air yang tidak disenggara di kawasan Guar Sanji di Arau. Perlis dipenuhi sampah menyebabkan aliran air tersekat.

Utusan Malaysia 20/6/2019